

# Bright future for Fauzi

## Sailor on track for podium finish at World Championships

By LIM TEIK HUAT

**PETALING JAYA:** Pint-sized sailor Muhd Fauzi Kaman Shah has brightened his chances of a podium finish at the Optimist World Championships in Vilamoura, Portugal, at the end of this month after leading Malaysia to glory at the Optimist Asian and Oceanian Championships in Trincomalee, Sri Lanka.

Fauzi led the Malaysian team, also comprising Muhd Khaidir Zahawi, Mohd Syafie Abdullah, Nor Nabila Natasha Mohd Nazri and Israr Hazim Ismail to overcome Singapore 3-2 in the final for the team Optimist gold medal.

En route to the final, Malaysia beat New Zealand, Sri Lanka, Thailand, the United States and Turkey.

The 13-year-old Fauzi, who stands at 1.33m, was also the best Malaysian finisher in the individual event.

He was placed 15th overall on 116 points. Singapore took gold and silver through Muhd Daniel Kei Yazid (20pts) and Daniel Ian Toh (30pts).

American sailor Justin Callahan (49pts) took bronze.

Fauzi was happy to have played his part in winning the country's first-ever team title.

"I was in a position to fight for an individual medal, but I did not do well on the last day. I finished out of the top 30 and slipped down the ranking.

"Still, it's some achievement to win the team title as we were also up against many strong countries," said Fauzi, who was named the National Sportsboy of the Year recently.

Malaysia's success in taking the team Optimist title augurs well for their chances at the Kuala Lumpur SEA Games next year but, first, Fauzi has his sights set on doing well at the upcoming world meet in Portugal. All five sailors of the gold-medal winning team are assured of places for the world meet.

"I hope to maintain my good results," said the Langkawi-born boy, who was a revelation at the SEA Games in Singapore last year.

After leading his team-mates to the Optimist mixed team title in the SEA Games, Fauzi pulled off a sensational win over Asian Games bronze medalist Suthon Yampinid of Thailand to bag the individual Optimist crown. That feat made Fauzi the youngest double gold medallist in the history of the Games.

Three months later, he captured the individual Optimist crown at the Asian Sailing Federation (ASAF) Youth Sailing Cup Finals in Abu Dhabi, the United Arab Emirates.



**Spectacular feat:** Muhd Fauzi Kaman Shah (inset) led the Malaysian team to overcome Singapore 3-2 in the final for the team Optimist gold medal at the Optimist Asian and Oceanian Championships in Trincomalee, Sri Lanka.



Tekad kejutkan Saina pada aksi pusingan kedua hari ini

# Jin Wei lulus ujian pertama

Oleh MUHAMMAD HELMEE RAMLI

**B**IARPUN baru pertama kali beraksi dalam kejohanan badminton bertaraf Siri Super, namun ia tidak menghalang bintang remaja negara, Goh Jin Wei untuk menampilkan gaya permainan yang mantap pada pusingan pertama acara perseorangan wanita pada Terbuka Australia semalam.

Juara remaja dunia acara perseorangan wanita 2015 itu tidak berdepan masalah selepas menyingkirkan pemain yang berada di ranking ke-21 dunia dari Kanada, Michelle Li dengan keputusan *straight-set* 21-18, 21-10 dalam tempoh 33 minit.

Jin Wei yang baru sahaja meraih gelaran juara pada Siri Kit Kebangsaan Pertama, Mei lalu, mendominasi seluruh perlawanan apabila memimpin set pertama sejak awal permainan sebelum melengkapkan kemenangan 21-18 ke atas pemain

kelahiran Hong Kong itu.

Kemenangan set pertama nyata membakar semangat pemain berusia 16 tahun itu, sekaligus tidak berdepan kesukaran menguasai perlawanan pada set kedua sebelum melakar kemenangan 21-10 bagi mengesahkan tempat di pusingan kedua untuk bertemu jaguh perseorangan India, Saina Nehwal hari ini.

Ujar Jin Wei, sepanjang perlawanan menentang Michelle, dia berjaya mengekalkan rentak permainan selain mampu mengikut gaya permainan yang ditampilkan pemain Kanada itu sebelum mula menampilkan corak serangan tersendiri bagi meletakkan Michelle berada dalam tekanan.

"Saya fikir, saya mampu sesuaikan diri dengan corak permainan yang ditampilkan Michelle tadi (semalam) dan saya tidak gopoh untuk membuat asakan terhadap dia. Saya mengambil pendekatan untuk lebih berhati-hati pada



JIN WEI mudah melepasi saingan pusingan pertama Terbuka Australia semalam.

awal permainan.

"Paling penting adalah untuk bermain dengan lebih sabar dan tidak cemas sepanjang perlaw-

nan. Apabila saya lihat ada peluang terhidang, saya terus melakukan serangan dan ternyata strategi saya itu membuahkan

hasil," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Mengulas mengenai aksi menentang Saina hari ini, pemain kelahiran Pulau Pinang tersebut percaya dia mampu memberikan saingan sengit di pemain India yang berada pada ranking kelapan dunia itu meskipun tidak pernah bertemu sebelum ini.

"Saya pasti akan berikan yang terbaik pada perlawanan menentang Saina esok (hari ini). Saya yakin boleh memberikan tentangan sengit kepada Saina, sama seperti ketika saya bermain menentang Carolina Marin pada kempen Piala Uber lalu.

"Mengenai kemungkinan layak ke peringkat seterusnya, saya tidak mahu fikir tentang perkara tersebut kerana saya mahu tumpukan perhatian kepada satu demi satu perlawanan. Jadi, saya hanya akan fikir mengenainya apabila layak sahaja," ujarnya lagi.

KOSMO (M/S. 63)

9 JUN 2016



# MSNNS jagoan petanque

HARIAN METRO 9 JUN 2016

## ■ Mohd Fazry, Mohd Shariq, Halim dominasi kategori Anugerah Pemain Pilihan

Mohd Amin Jalil  
sukan@hmetro.com.my

### Seremban

Pasukan Majlis Sukan Negeri Negeri Sembilan (MSNNS) memahat nama selaku juara sulung Kejohanan Petanque Antara Unit Negeri Sembilan 2016 (KPUNS 2016), selepas mengeneipikan lapan pencabar lain dalam kejohanan di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, baru-baru ini.

Pasukan Badan Kawal Selia Air (BKSA) muncul naib juara manakala ketiga milik Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM).

Juara membawa pulang trofi Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Mat Ali Hassan dan wang tunai RM300 manakala BKSA menerima RM200 dan medal serta BPSM menerima

RM100 dan medal.

Kejohanan julung kali diadakan itu turut menyediakan hadiah bagi kategori Anugerah Pemain Pilihan dengan setiap kategori menerima satu set bola petanque tajaan Persatuan Petanque Negeri Sembilan (PTNS).

Tiga pemain mendominasi anugerah berkenaan iaitu Mohd Fazry Samdin dan Mohd Shariq Mohd Shap dari MSNNS serta Halim Alaudin dari BKSA.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Mat Ali dan beliau berpuas hati dengan komitmen setiap pasukan dalam kejohanan berkenaan.

Mat Ali berharap kejohanan itu dapat dijadikan acara tahunan dengan menarik lebih banyak penyertaan sekali gus melahirkan lebih ramai pemain berbakat dan berpotensi untuk negeri ini.



MAT ALI (kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang.

## Pelari muda bakal berguru di AS

**Kuala Lumpur:** Barisan pelari muda negara memabitkan Badrul Hisyam Abdul Manap, Khairul Hafiz Jantan dan Muhammad Azamm Masri dijadual berlepas ke Amerika Syarikat seandainya mendapat kelulusan Majlis Sukan Malaysia (MSN) dan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM).

Satu perbincangan sudah dilakukan berhubung hasrat barisan pelari pecut itu untuk berlatih di pusat latihan Tyson Gay di Santa Monica, Amerika Syarikat menerusi bantuan bekas atlet negara, Zaki Sadri.

Jurulatih pecut negara, Mohd Poad Md Kassim berkata, Zaki sudah mendapat lesen sebagai wakil negara dalam menguruskan segala urusan dengan pihak penguurusan tempat latihan berkenaan.



**KHAIRUL** (tengah) bersama pasukan olahraga mempamerkan pingat emas dimenangi di Kejohanan Olahraga Remaja Asia.

Namun menurut Poad hingga sekarang tiada perbincangan serius dilakukan di antara pihaknya bersama MSN dan KOM selepas kali terakhir perkara itu dibincangkan pada tahun lalu selepas tamatnya Kejohanan Sukan Sekolah ASEAN 2015.

"Sekarang ini kami hanya menunggu 'lampu hijau' da-

ripada MSN dan KOM. Jalan untuk ke sana sudah terbuka namun tidak perkembangan lanjut dilaporkan.

"Jika mengikut perancangan, berkemungkinan atlet akan berlepas ke AS selepas SUKMA (Sukan Malaysia) nanti," katanya.

Poad berkata, pemilihan AS sebagai pangkalan latihan adalah kerana AS mengha-

silkan ramai pelari pecut terbaik selain di bantu dengan teknologi yang canggih.

Pendedahan ke luar negara adalah penting buat atlet sebagai persediaan untuk ke peringkat lebih tinggi.

Untuk makluman, pelari Arab Saudi yang meraih perak di Kejohanan Remaja Asia Mohammed Abdullah Abkar dengan catatan ter-

baik 10.04 saat, turut berpangkalan di AS sejak tahun lalu.

Namun dia tewas di tangan Khairul dalam aksi akhir acara riben biru itu.

Justeru Poad berharap, pihak berwajib dapat memberi pertimbangan sewajarnya untuk merealisasikan hasrat barisan pelari pecut negara itu.



# Beng Choo pertahan tindakan MOM

UTUSAN MALAYSIA (M/S. 21)

9 JUNE 2016

Oleh ZAZALI JAMIAN

sukan@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 8 Jun** - Majlis Olimpik Malaysia (MOM) mengakui pihaknya memiliki kad akreditasi utama yang terhad untuk pegawai pada Sukan Olimpik 2016 di Rio, Brazil dan hanya akan membuat keputusan untuk pengagihan selepas bermesyuarat pada Julai.

Setiausaha Kehormat MOM, Datuk Low Beng Choo berkata, ketika ini keutamaan hanya diberi kepada jurulatih dan

belum ada keputusan muktamad siapa yang berhak memperoleh kad akreditasi utama dalam kalangan pegawai persatuan sukan terlibat.

Tambah Beng Choo, pihak penganjur tidak akan memberi jumlah kad akreditasi utama yang banyak kepada kontinjen Malaysia kerana bilangan atlet dan pegawai yang tidak ramai.

"Setakat ini belum ada apa-apa keputusan muktamad dan pengurus pasukan berbasikal, Datuk Armajit Singh Gill juga telah mengetahuinya.



LOW BENG CHOO

## MOM, kenapa pengurus basikal terpaksa menginap di luar?

**PRESIDEN** Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia atau PKBM, Datuk Abu Samah Abdul Wahab difahamkan terlalu geram dan marah-marah.

Ini semua dikatakan angkara ketetapan yang dibuat oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) terhadap rombongan pasukan lumba basikal kebangsaan ke Sukan Olimpik ke-31 di Rio awal tahun ini.

Wahab telah melantik Datuk Amarjit Singh Gill sebagai pengurus tetapi MOM memberi keutamaan kepada pegawai pemakanan Institut Sukan Negara (ISN), Mohd. Izham Mohamad untuk menguruskan

## Mat Sport

sukan@utusan.com.my



**KERATAN**  
**Utusan**  
**Malaysia,**  
**semalam.**

"Ketika ini bukan berbasikal sahaja berhadapan situasi sebegini tetapi sukan-sukan lain seperti badminton dan memanah juga.

"Saya tidak ingat berapa jumlah kad akreditasi utama yang diberikan pihak penganjur tetapi jumlah tersebut amat terhad," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Semalam ruangan *Mat Sport* mempersoalkan kewajaran MOM memberikan keutamaan kepada pegawai pemakanan Institut Sukan Negara (ISN), Mohd. Izham Mohamad yang dikhabarkan mendapat kad akreditasi utama untuk bersama pasukan berbasikal dalam kawasan perkampungan atlet berbanding pengurus

pasukan, Armajit.

Dalam pada itu, Beng Choo menjelaskan bahawa Mohd. Izham memainkan peranan penting bersama pasukan berbasikal, selain mendapat cadangan daripada pelumba yang inginkan pegawai tersebut bersama di dalam perkampungan sukan.

"Ini baru cadangan belum ada keputusan muktamad lagi dan kita juga meletakkan Mohd. Izham atas nasihat pihak persatuan sendiri.

"Malah Mohd. Izham juga sebelum ini sering bersama pelumba dalam beberapa kejohanan besar dan dia bukan hanya sebagai pegawai pemakanan tetapi turut membantu menguruskan atlet," kata Beng Choo lagi.